ISTIADAT DIRAJA DAN DINAMIKA TRADISI: PERBANDINGAN ADAT MENJUNJUNG DULI DI NEGERI SELANGOR DARI PERSPEKTIF SEJARAH DAN KONPEMPORARI

Muhamad Adha Abd Jalil
Institut Alam dan Tamadun Melayu , Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia
P153097@siswa.ukm.edu.my

Ros Mahwati Ahmad Zakaria
Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, bangi, Selangor, Malaysia

Zuliskandar Ramli
Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, bangi, Selangor, Malaysia

Abstrak: Istiadat Menjunjung Duli merupakan simbol ketaatan, kesetiaan, dan hubungan simbolik antara rakyat dan raja dalam sistem beraja Melayu di Negeri Selangor Darul Ehsan. Walaupun berakar daripada konsep wa'ad atau kontrak sosial beraja, istiadat ini menghadapi cabaran: beberapa prosedur telah disesuaikan untuk konteks moden, dan generasi kontemporari berisiko menilai upacara ini sekadar ritual tanpa memahami falsafah dan makna budaya di sebaliknya. Kajian ini bertujuan menganalisis evolusi dan dinamika Istiadat Menjunjung Duli serta mengenal pasti unsur kesinambungan dan perubahan dalam pelaksanaannya. Pendekatan kualitatif digunakan melalui temu bual tidak berstruktur dengan informan utama dan tambahan yang terdiri daripada Orang Besar Istana Selangor, analisis dokumen arkib sejarah, serta pemerhatian langsung istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli. Data dianalisis menggunakan lensa teori simbolik dan interpretatif. Dapatan menunjukkan bahawa walaupun beberapa prosedur teknikal diadaptasi, struktur tatacara, simbolisme, dan falsafah teras "Raja dan Rakyat Berpisah Tiada" tetap dipelihara. Elemen tertentu disesuaikan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan tanpa menjejaskan makna budaya. Kesimpulannya, Istiadat Menjunjung Duli kekal relevan sebagai mekanisme legitimasi institusi diraja dan sebagai warisan budaya tidak ketara. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman lebih mendalam mengenai evolusi tradisi Melayu beraja dan menyediakan panduan bagi strategi pelestarian warisan budaya dalam konteks moden.

Kata kunci: Menjunjung Duli, Kesultanan Selangor, Dinamika Budaya, Tradisi Diraja.

1. Pengenalan

Istiadat Menjunjung Duli merupakan manifestasi tertinggi ketaatan, kesetiaan, dan hubungan simbolik antara rakyat dan raja dalam sistem beraja Melayu, khususnya di Negeri Selangor Darul Ehsan. Berakar daripada konsep wa'ad atau kontrak sosial beraja, istiadat ini bukan sekadar protokol, tetapi perlambangan falsafah setia yang membentuk jati diri tamadun Melayu. Dalam menghadapi pemodenan abad ke-21, istiadat ini berhadapan dengan beberapa cabaran kritikal; ketegangan antara kesakralan tradisi dan tuntutan birokrasi moden; jurang pemahaman generasi kontemporari yang berisiko menilai upacara ini sekadar seremonial; serta transisi ke ruang digital yang menimbulkan isu dokumentasi dan legitimasi institusi. Kajian ini bertujuan menganalisis evolusi dan dinamika Istiadat Menjunjung Duli melalui perbandingan antara amalan sejarah tradisional dan pelaksanaan kontemporari, dengan fokus mengenal pasti unsur kesinambungan *(persistence*) dan perubahan *(change).* Melalui lensa dinamika budaya, kajian meneliti bagaimana elemen prosedur dan teknikal diadaptasi tanpa mengorbankan falsafah teras "Raja dan Rakyat Berpisah Tiada." Analisis ini penting bagi mendokumentasikan warisan budaya tidak ketara serta memahami cara institusi diraja Selangor mengekalkan relevansi dan legitimasi dalam masyarakat yang sentiasa berubah.

Meskipun terdapat pelbagai literatur sejarah mengenai Kesultanan Selangor, kajian-kajian lepas memperlihatkan satu kelompongan yang jelas dari sudut pemahaman sosiobudaya, khususnya melibatkan adat istiadat keistanaan. Sebahagian besar sarjana terdahulu seperti Gullick (1998), Khoo (1985), Andaya (1974), Mohd Yusof Hashim (2001), dan Abdullah Zakaria Ghazali (1999/2000) didapati lebih cenderung memfokuskan kajian terhadap sistem pentadbiran dan landskap politik negeri

berbanding perihal adat istiadat. Sekalipun wujud kajian oleh Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2012, 2013, 2019) mengenai mobiliti sosial dan susur galur aristokrat Melayu Selangor, kajian tersebut sama sekali tidak mengupas aspek adat menggelar ketika pembesar tersebut dilantik, apatah lagi memperjelaskan kedudukan jawatan Dato' Diraja di sisi Pejabat Sultan. Malah, kajian sejarah adat oleh Paiman Keromo (1989) dilihat hanya bertumpu kepada Istiadat Pertabalan dan Kemahkotaan Sultan semata-mata. Kekurangan liputan menyeluruh berserta keterbatasan sumber primer dan sekunder ini telah menyebabkan hal ehwal berkaitan Istiadat Menjunjung Duli dan amalan adat menggelar di Selangor kurang difahami serta menimbulkan pelbagai persepsi. Justeru, kajian ini tampil untuk mengisi lompang tersebut kerana adat menggelar pembesar Melayu di negeri Selangor (Istiadat Menjunjung Duli) merupakan satu kelangsungan warisan yang belum dikaji secara khusus dan direkodkan sepenuhnya secara ilmiah (Tengku Jamaluddin, 2022)."

2. Objektif

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis evolusi serta dinamika istiadat diraja melalui pendekatan perbandingan yang sistematik. Fokus utama penyelidikan adalah untuk meneliti transformasi amalan tradisional berdasarkan kronologi sejarah yang panjang dan membandingkannya dengan pelaksanaan istiadat dalam konteks kontemporari. Melalui lensa ini, kajian berusaha untuk mengenal pasti sejauh mana elemen-elemen tradisi dikekalkan atau diadaptasi bagi mendepani arus pemodenan tanpa menjejaskan nilai kedaulatan institusi beraja. Akhir sekali, penyelidikan ini bermatlamat untuk membuktikan bahawa kelangsungan istiadat tersebut berfungsi sebagai mekanisme kritikal dalam mengukuhkan kedaulatan institusi diraja, sekaligus memastikan relevansinya sebagai identiti kebangsaan dalam sistem perlembagaan masa kini.

3. Metodologi

Kajian ini meneliti Istiadat Menjunjung Duli sebagai sebahagian daripada amalan adat istiadat diraja Melayu di Selangor, dengan fokus pada makna simbolik, konteks sejarah, dan dimensi sosial. Pendekatan kualitatif dipilih kerana membolehkan pemahaman mendalam terhadap pengalaman individu yang terlibat dalam istiadat ini (Silverman, 2013). Reka bentuk kajian menggunakan triangulasi data untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan. Triangulasi melibatkan gabungan temu bual secara tidak struktur, pemerhatian turut serta, dan analisis dokumen termasuk manuskrip sejarah, dokumen rasmi, dan bahan rujukan berkaitan adat istiadat diraja (Bogdan & Biklen, 1998; Creswell, 2012). Pendekatan ini membolehkan pengkaji mengakses data daripada pelbagai perspektif dan sumber secara komprehensif.

Sumber data dibahagikan kepada primer (temu bual dan pemerhatian lapangan) dan sekunder (dokumen rasmi, manuskrip sejarah, bahan arkib, dan koleksi persendirian). Temu bual tidak berstruktur digunakan dengan informan utama dan tambahan, membolehkan penyesuaian soalan untuk menjelaskan makna dan fungsi istiadat ini dalam institusi kesultanan Melayu (Chua, 2006; Merriam, 1998, 2009). Temu bual tidak berstruktur dengan informan tambahan dilaksanakan untuk memperluas perspektif dan memperoleh maklumat kontekstual yang lebih kaya.

Pemerhatian turut serta membolehkan pengkaji meneliti pelaksanaan adat secara langsung dalam konteks sosial yang dikaji (Creswell, 2012). Kajian ini merakam Istiadat Pemasyhuran Gelaran dan Mengangkat Sumpah serta Menjunjung Duli bagi Orang-Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan Dato'-Dato' Diraja Selangor pada 17 Mac 2018 di Istana Alam Shah, Klang, melalui pemerhatian langsung serta rakaman visual seperti fotografi dan video. Selain itu, pemerhatian tidak turut serta dijalankan melalui analisis rakaman video digital daripada sumber dalam talian, termasuk YouTube, untuk membandingkan pelaksanaan adat serupa di negeri lain. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menilai konsistensi prosedur dan variasi pelaksanaan adat secara menyeluruh. Gabungan temu bual, pemerhatian, dan analisis dokumen membentuk triangulasi data yang memperkukuh kesahan dapatan.

Temu bual membolehkan penggaliannya makna subjektif dan simbolik, pemerhatian menyediakan data kontekstual, manakala analisis dokumen memberi sokongan sejarah. Melalui pendekatan ini, pengkaji dapat memahami Istiadat Menjunjung Duli secara holistik, merangkumi struktur, proses, dan nilai simboliknya dalam institusi kesultanan Melayu.

Jadual 1: Maklumat mengenai Informan Utama yang di temu bual secara tidak struktur

No.	Nama	Jawatan dan Alamat	Pengalaman	Tarikh/ Masa
1.	YAM Tengku Sulaiman Shah Al-Haj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj	Tengku Laksamana Selangor. Istana Alam Shah, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Berkhidmat selama hampir 52 tahun di Istana Alam Shah sebagai Ketua Adat Istiadat Diraja Selangor.	24 Mac 2022
2.	YDM Tengku Dato' Dr. Jamaluddin bin Tengku Mahmud Shah Al-Haj	Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang Orang Besar Daerah Sepang	Melalui Istiadat Menjunjung Duli gelaran Tengku Orang Kaya Maha Bijaya Sepang.	8 Mei 2022
3.	YM Tengku Azlan Shah bin Tengku Dato' Dr. Jamaluddin	Anak Raja Berempat Istana Alam Shah, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Terlibat dalam tugas-tugas keistanaan dan pembawa alat kebesaran negeri Selangor.	8 Mei 2022
4.	YM Raja Kobat Salehuddin ibni Almarhum Raja Muda Musa	Waris Negeri Perak & Pakar Sejarah dan Adat Istiadat Istana Al-Ridhuan Jalan Raja Di-Hilir, 30350 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.	Pakar Budaya dan Sejawaran Diraja Negeri Perak semenjak tahun 1973.	11 Jun 2022

Jadual 2 : Maklumat mengenai Informan Tambahan yang di temu bual secara tidak struktur

No.	Nama	Jawatan dan Alamat	Pengalaman	Tarikh/ Masa
1.	YM Tengku Dato' Setia Ramli Alhaj bin Tengku Shaharuddin Shah Alhaj	Orang Besar Istana, Istana Alam Shah, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Ahli Dewan Di-Raja Selangor. Penyusun buku Sejarah Ringkas Pengurniaan Pangkat dan Pemasyhuran Gelaran serta Istiadat Menjunjung Duli Negeri Selangor Darul Ehsan 2005.	12 Mac 2022 Temu bual Tidak Berstruktur
2.	YAM Tengku Dato' Setia Muhammad Yusof ibni Almarhum Sultan Ala'uddin Suleiman Shah	Anak Raja Bergelar, No.1 Kampung Seri Alam, 41000 Klang, Selangor Darul Ehsan	Orang Besar Istana Penasihat Adat Istiadat Diraja Selangor	17 Mac 2013 Temu bual Tidak Berstruktur
3.	YM Raja Dato' Abdul Hamid bin Raja Haji Nong,	Orang Besar Istana, YDM Engku Maha Kurnia Seri Amar Diraja, Bukit Tinggi, Klang.	Orang Besar Istana Mantan Penghulu Adat Istiadat Diraja Selangor	20 Julai 2013 Temu bual Tidak Berstruktur

4. Dapatan

4.1 *Sejarah Adat Istiadat Menjunjung Duli di Negeri Selangor*

Adat istiadat dalam institusi Kesultanan Selangor mula berkembang apabila Raja Lumu menerima perakuan bernobat daripada Paduka Seri Sultan Mahmud Shah dari Perak pada November 1766 dan dimasyhurkan sebagai Sultan Selangor pertama dengan gelaran Sultan Salehuddin (Raja Chulan, 1966; Raja Ali Haji, 1998). Peristiwa ini menjadi titik permulaan pembentukan sistem perajaan yang tersusun di negeri Selangor. Seiring dengan itu, pelbagai adat istiadat diraja mula diamalkan, termasuk Istiadat Menjunjung Duli, yang berkait rapat dengan pengurniaan pangkat dan gelaran dalam struktur pentadbiran negeri. Bagi memperkukuh pemerintahan, Sultan Salehuddin telah mewujudkan jawatan Orang Besar Negeri seperti Dato' Aru, Dato' Penggawa Tua, Dato' Penggawa Muda, Dato' Shahbandar, Dato' Ungku Klang, Dato' Penghulu Ulu Selangor, Dato' Kaya Kechil Klang, Dato' Maharaja Lela,

Dato' Panglima Dalam dan Dato' Megat Penghulu Balai (Muhamad Adha Abd Jalil, 2024; Muhamad Adha Abd Jalil & Ahmad Farhan Abdullah, 2023). Perkembangan adat istiadat di Istana Selangor turut memperlihatkan proses akulturasi budaya, khususnya pengaruh tradisi Kesultanan Melayu Perak yang disesuaikan dengan konteks tempatan (Muhamad Adha Abd Jalil, 2024).

4.2 *Sistem Gelaran Kebesaran di Negeri Selangor*

Sistem penganugerahan gelaran di Selangor berasaskan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, yang menjadi asas kepada struktur pentadbiran dan hubungan antara institusi diraja dengan kerajaan negeri. Dalam peruntukan Bab 5, dinyatakan bahawa Sultan merupakan sumber segala penghormatan dan kebesaran dalam negeri. Oleh itu, Baginda mempunyai kuasa untuk menganugerahkan gelaran, darjah kebesaran dan pingat penghormatan kepada individu yang berjasa kepada negeri. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kuasa tersebut perlu melalui perundingan dengan Dewan di-Raja Selangor, manakala pewujudan darjah kebesaran yang melibatkan kewangan negeri memerlukan persetujuan Dewan Undangan Negeri. Peruntukan ini mencerminkan keseimbangan antara tradisi monarki dengan prinsip tadbir urus moden. Pada peringkat awal, pelantikan pembesar negeri bersifat pewarisan, namun kini dibuat berdasarkan perkenan Sultan selepas berunding dengan Dewan di-Raja Selangor.

4.3 *Istiadat Menjunjung Duli*

Istiadat Menjunjung Duli merupakan upacara rasmi yang menzahirkan pengiktirafan terhadap penerima pangkat dan gelaran dalam institusi Kesultanan Selangor. Walaupun pelaksanaannya telah mengalami penyesuaian, beberapa elemen penting masih dikekalkan seperti pemasyhuran gelaran, menjunjung duli, menyorok dan balik mengadap. Istiadat ini melambangkan kesinambungan tradisi pemerintahan Melayu beraja yang masih dipelihara hingga kini. Berikut ialah analisis perbezaan adat dahulu dan adat kini berdasarkan data yang diberikan dalam bentuk jadual analitikal:

Jadual 3: Analisis perbezaan adat dahulu dan adat kini

Aspek Perbandingan	Adat Dahulu (1898)	Adat Kini (2018)	Analisis Perubahan
Lokasi Angkat Sumpah	Angkat sumpah dilakukan di luar istana kerana dipercayai sumpah tidak boleh dilaksanakan dalam kawasan istana.	Angkat sumpah dilakukan di dalam istana, lazimnya di Balairong Seri di hadapan Raja Pemerintah.	Perubahan ini menunjukkan transformasi ruang ritual daripada ruang luar yang bersifat sakral kepada ruang istana sebagai pusat autoriti rasmi diraja.
Penyelia dan Saksi Sumpah	Disaksikan oleh Ketua Adat Istiadat, Sheikh-ul-Islam dan pegawai jajahan seperti Pegawai Klang.	Dilaksanakan di hadapan Sultan serta pegawai istiadat diraja seperti Ketua Adat Istiadat dan Penghulu Adat Istiadat Diraja.	Perubahan ini memperlihatkan peralihan daripada struktur pentadbiran tradisional dan kolonial kepada sistem perlembagaan menerusi Undang-Undang Tubuh.
Struktur Majlis	Majlis dihadiri oleh Raja-Raja, penghulu, rakyat serta pegawai kolonial seperti Residen British.	Majlis lebih tertumpu kepada Sultan, kerabat diraja, Orang Besar Istana, Orang Besar Daerah dan tetamu rasmi.	Kehadiran pegawai kolonial dalam adat lama mencerminkan pengaruh pentadbiran British pada abad ke-19 dan awal abad ke-20.
Pakaian Penerima Gelaran	Penerima pangkat menerima persalinan khas yang dikurniakan oleh Sultan sebelum menghadap baginda.	Penerima pangkat memakai Baju Kebangsaan Melayu sebagai pakaian rasmi ketika menjunjung duli.	Berlaku proses standardisasi pakaian rasmi dalam majlis istiadat diraja moden.
Simbol Kebesaran	Digunakan payung kebesaran seperti payung "Obor-obor Merah" dan "Obor-obor Hijau", talam emas, pancaragam dan pengiring tentera.	Simbol kebesaran masih digunakan seperti nobat dan keris panjang, namun beberapa elemen lama tidak lagi digunakan secara meluas.	Menunjukkan penyesuaian simbol istiadat dengan protokol moden tanpa menghilangkan elemen tradisional utama.
Tatacara Menjunjung Duli	Seni gerak menjunjung duli masih sama yang	Seni gerak menjunjung duli masih sama yang	Istiadat masih dikekalkan dan mengandungi unsur seni

	melibatkan langkah-langkah tertentu seperti berjalan tiga langkah, duduk bertenggul, mengangkat sembah dan mengeluarkan keris peribadi sebelum mengadap dan menerima keris kuasa ketika mengadap Raja Pemerintah.	melibatkan langkah-langkah tertentu seperti berjalan tiga langkah, duduk bertenggul, mengangkat sembah dan mengeluarkan keris peribadi sebelum mengadap dan menerima keris kuasa ketika mengadap Raja Pemerintah.	gerak Melayu sebagai simbol penghormatan ketaatan tertinggi.
Teks Sumpah Setia	Sumpah setia dibaca secara tradisional dengan bahasa klasik yang menekankan kesetiaan kepada Sultan dan larangan menderhaka.	Sumpah setia dibaca dalam bentuk Akuan Sumpah Gelaran yang lebih tersusun dan ditandatangani secara rasmi. Masih mengekalkan kesetiaan kepada Sultan dan larangan menderhaka.	Berlaku peralihan daripada tradisi lisan kepada bentuk dokumentasi rasmi dalam pentadbiran moden.
Pengasingan Selepas Pelantikan	Penerima gelaran perlu meninggalkan negeri Selangor selama tujuh hari sebelum kembali menghadap Sultan.	Amalan ini masih diamalkan, penerima gelaran perlu meninggalkan negeri Selangor selama tujuh hari sebelum kembali menghadap Sultan.	Tradisi ini masih mengekalkan warisan adat lama.
Peranan Muzik Istiadat Nobat	Nobat masih digunakan dalam majlis, namun dahulu untuk semua pembesar.	Nobat masih digunakan dalam majlis, namun kini hanya untuk anak raja sahaja.	Unsur muzik diraja tradisional dikekalkan.

5. Perbincangan

Berdasarkan analisis dokumen sejarah, teks istiadat, dan rekod pentadbiran, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Istiadat Menjunjung Duli di Selangor bukan sekadar struktur protokol, tetapi merupakan sistem simbolik yang sarat makna. Sejajar dengan pendekatan interpretatif oleh Clifford Geertz (1973), adat istiadat ini difahami sebagai suatu bentuk "sarang makna" (*webs of meaning*) yang ditenun untuk mentafsir kedaulatan, legitimasi, dan hierarki sosial. Analisis ini tidak hanya melihat perubahan secara deskriptif, tetapi menafsir makna di sebalik transformasi tersebut melalui kaedah penerangan mendalam (*thick description*).

5.1 *Evolusi dan Transformasi Istiadat Menjunjung Duli dalam Persektif Simbolik*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Istiadat Menjunjung Duli dan pengurniaan gelaran di Selangor telah mengalami transformasi yang ketara dari segi struktur, tatacara, simbol, dan peralatan kebesaran**.** Contohnya, ruang ritual yang dahulu dijalankan di luar istana kini dipindahkan ke Balairong Seri di dalam istana. Transformasi ruang ritual daripada luar istana kepada Balairong Seri di dalam istana mencerminkan perubahan signifikan dalam lokalisasi makna sakral dan autoriti. Dalam kerangka Mircea Eliade (1957), ruang istana bertindak sebagai *axis mundi* iaitu pusat kosmos simbolik yang menghubungkan kekuasaan duniawi dengan legitimasi sakral. Pemindahan lokasi ini menandakan pemusatan kuasa dalam institusi diraja moden; jika dahulu ruang luar dianggap perlu untuk sumpah tertentu, penggunaan Balairong Seri kini melambangkan istana sebagai pusat autoriti rasmi yang tunggal.

Simbol-simbol seperti payung "Obor-obor Merah/Hijau" dan keris panjang berfungsi sebagai "simbol ringkasan" (*summarizing symbols*) yang merumuskan hubungan antara Sultan dan pembesar. Walaupun berlaku penyederhanaan pada peralatan seperti talam emas, pengekalan keris panjang dalam tatacara menjunjung duli (langkah ke singgahsana dan duduk bertenggul) bertindak sebagai penyampai makna ketaatan yang mutlak. Dari sudut Victor Turner, gerak laku ini merupakan sebuah *performance of hierarchy* atau "drama sosial" yang mengesahkan kedudukan Sultan dan pembesar dalam susunan sosial masyarakat Melayu.

5.2 *Unsur Tradisi yang Kekal (Persistence) sebagai Struktur Makna*

Walaupun berlaku transformasi struktur, elemen teras seperti sumpah setia dan larangan menderhaka kekal sebagai struktur makna yang utuh. Amalan meninggalkan negeri selama tujuh hari selepas pelantikan merupakan contoh klasik bagi konsep "liminaliti" oleh Victor Turner (1969). Tempoh pengasingan ini adalah fasa transisi (ambang) di mana penerima gelaran berada "di antara" status lama dan status baru, yang berfungsi mengukuhkan nilai kesucian tanggungjawab yang baru diterima.

Selain itu, penggunaan lafaz sumpah *Wallahi, Wabillahi, Watallahi* (Tengku Ramli Tengku Shararuddin, 2005) bukan sekadar ungkapan religius, tetapi merupakan legitimasi teologikal terhadap kuasa politik. Ini menunjukkan bahawa kedaulatan Sultan tidak hanya bersifat administratif, tetapi berakar dalam kerangka keagamaan. Walaupun bentuk dokumentasi berubah daripada lisan kepada Akuan Sumpah bertulis (rasionalisasi moden), makna interpretatifnya tetap sama: iaitu penzahiran kontrak sosial dan ketaatan spiritual antara Raja dan rakyat.

5.3 *Perbandingan Sejarah dan Kontemporari*

Perbandingan antara adat 1898 dan 2018 memperlihatkan proses interpretasi semula terhadap kedaulatan. Kehadiran pegawai kolonial pada masa lalu dalam struktur majlis mencerminkan dualisme kuasa era tersebut. Namun, dalam konteks kontemporari, fokus majlis yang tertumpu sepenuhnya kepada Sultan dan rakyat menunjukkan proses dekolonisasi simbolik dan pengukuhan semula identiti kebangsaan.

Proses standardisasi pakaian (Baju Kebangsaan) menunjukkan bagaimana simbol tradisi diadaptasi mengikut estetika moden tanpa menghilangkan "roh" istiadat. Dalam kerangka simbolik, penyederhanaan ini bukanlah kehilangan makna, melainkan proses re-semantisasi (pemberian makna baru) agar simbol tersebut selaras dengan konteks semasa. Budaya terbukti bersifat dinamik; ia berubah pada bentuk luaran (*signifier*) tetapi mengekalkan inti pati makna (*signified*) yang berkaitan dengan legitimasi institusi beraja.

5.4 *Implikasi terhadap Institusi Diraja dan Budaya Melayu*

Secara keseluruhannya, Istiadat Menjunjung Duli di Selangor berfungsi sebagai apa yang disifatkan oleh Clifford Geertz (1973) sebagai *Deep Play*, iaitu sebuah drama sosial yang bukan sekadar upacara formal, malah bertindak memperkukuh hierarki dan nilai teras masyarakat Melayu. Sejajar dengan konsep negara teater (theatre state), ritual diraja ini memainkan peranan kritikal dalam "mempersembahkan kuasa" agar kedaulatan tersebut dapat difahami, dihayati, dan dihormati oleh rakyat jelata secara kolektif. Melalui pelaksanaan istiadat ini, kedaulatan Sultan diperkukuh sebagai sumber segala penghormatan menerusi penggunaan simbol serta ritual yang telah dikodifikasikan dengan teliti.

Pada masa yang sama, istiadat ini secara berkesan menstrukturkan hubungan sosial dengan mewujudkan hierarki yang jelas dalam kerangka pentadbiran negeri, sekali gus berfungsi sebagai medium transmisi budaya yang memastikan nilai-nilai tradisi diwariskan kepada generasi baharu secara kontekstual. Akhir sekali, proses kodifikasi adat ke dalam bentuk dokumentasi rasmi membuktikan bahawa tradisi di Selangor tidak bersifat statik, sebaliknya sentiasa melalui proses reinterpretasi yang dinamik untuk kekal relevan dalam struktur pentadbiran abad ke-21 tanpa sedikit pun menjejaskan intipati kedaulatan asalnya.

6. Kesimpulan

Kajian mengenai Istiadat Menjunjung Duli dan sistem pengurniaan gelaran dalam institusi Kesultanan Selangor ini merumuskan bahawa adat istiadat tersebut merupakan sebuah "teks kebudayaan" yang dinamik dan sarat dengan makna simbolik. Melalui lensa teori simbolik dan interpretatif, jelas bahawa istiadat ini bukan sekadar upacara protokol yang bersifat formal, sebaliknya berfungsi sebagai mekanisme krusial dalam mengekalkan kedaulatan, legitimasi, dan hierarki sosial dalam struktur kenegaraan Melayu di Selangor. Penemuan kajian ini memberikan sumbangan signifikan dalam usaha memelihara dan mendokumentasikan warisan adat istiadat diraja, sekali gus memastikan falsafah di sebalik setiap tatacara pelaksanaan tidak hilang ditelan zaman serta kekal difahami oleh generasi kontemporari.

Dari perspektif sosiologi budaya dan antropologi, analisis menunjukkan bahawa transformasi ruang ritual seperti pemindahan upacara ke Balairong Seri—serta kodifikasi sumpah setia telah memperkukuh kedudukan Sultan sebagai sumber segala penghormatan dalam kerangka pentadbiran moden. Unsur-unsur simbolik seperti pakaian rasmi, gerak tari menjunjung duli, alat kebesaran, dan lafaz teologikal *Wallahi, Wabillahi, Watallahi* bertindak sebagai "simbol ringkasan" (*summarizing symbols*) yang menzahirkan kontrak sosial dan kesetiaan mutlak rakyat kepada pemerintah. Amalan tradisi seperti tempoh pengasingan tujuh hari pula menzahirkan konsep liminaliti, iaitu fasa transisi yang menegaskan transformasi identiti sosial dan kesucian tanggungjawab bagi pembesar yang baru dilantik.

Secara tuntasnya, kajian ini membuktikan bahawa tradisi Kesultanan Melayu Selangor tidak bersifat statik, tetapi melalui proses re-semantisasi yang membolehkan elemen tradisional dan sistem perlembagaan moden wujud secara harmoni. Istiadat Menjunjung Duli kekal relevan sebagai instrumen penting dalam penghasilan makna budaya dan kestabilan sosiopolitik yang menghubungkan institusi diraja, struktur pentadbiran, dan identiti masyarakat. Sebagai rujukan ilmiah yang signifikan, kajian ini diharapkan dapat menyokong pengembangan literatur dalam bidang sejarah, antropologi, dan pengajian warisan, sekali gus memastikan kedaulatan institusi kesultanan terus dihargai sebagai teras kebudayaan Negeri Selangor dalam mendepani cabaran abad ke-21.

Rujukan

Abdullah Zakaria Ghazali. (1999/2000). *Institusi Kesultanan Selangor*. Seri Alam 5 : 59-77.

Ahmad Farhan Abdullah Zakaria & Mohd. Samsudin. (2019). *Pembentukan Istilah dan Stratifkasi Aristokrat Melayu Selangor Era Sultan Salehuddin, Sultan Selangor Pertama, 1766-1782*. Akademika 89(2), Julai 2019.

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. (2012). *Pentadbiran Mukim di Klang, 1874-1942 : Tugas dan Penglibatan Penghulu*. Purba, 31, 29-57.

Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. (2013). *Menyelusuri Jawatan Raja Bergelar dan Orang Besar Selangor dalam Pentadbiran Raja Selangor, 1766-1942*. Purba, 32, 54-93.

Barbara Watson Andaya. (1974). *The Installation of the first Sultan of Selangor in 1766M* dalam JMBRAS, vol.XLVII, Pt. 1.

Bogdan, R. C., & Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research for education: An introduction to theory and methods* (3rd ed.). Allyn & Bacon.

Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan pendidikan: Buku 1 – Asas penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia).

Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research* (4th ed.). Pearson.

Eliade, M. (1957). *The Sacred and the Profane: The Nature of Religion*. New York: Harcourt.

Geertz, C. (1973). *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Books.

Geertz, C. (1980). *Negara: The Theatre State in Nineteenth-Century Bali*. Princeton: Princeton University Press.

J. M. Gullick. (1998). *A History of Selangor 1766-1939*. Kuala Lumpur: Falcon Press.

Khoo Kay Kim. (1985). “Raja Lumu/ Sultan Salehuddin in The Founding Of The Selangor Dynasty” *JMBRAS, 58*, pt. 2.

Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. Jossey-Bass.
Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. Jossey-Bass.
Mohd Yusoff Hashim. (2001). *Dari Luwu' ke Darul Ehsan : Kesultanan Selangor*. Kolej Islam Melaka. Melaka.
Muhamad Adha Abd Jalil, & Ahmad Farhan Zakaria @ Abdullah. (2023). *Sejarah pewarisan dan peranan Orang Besar Daerah Selangor*. Astaka Merchu Alam Resources.
Muhamad Adha Abd Jalil. (2024). *Analisis sejarah, tatacara dan falsafah adat istiadat menjunjung duli di Negeri Selangor* (Tesis sarjana). Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
Paiman Keromo. (1989).*Sejarah Adat Istiadat Kesultanan Negeri Selangor*. 21 Januari 1989. Rumah Universiti, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kertas kerja 6. Kolokium Sejarah Selangor Darul Ehsan – Sejarah dalam proses pembangunan.
Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Selangor, & Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. (2008). *Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959*. Kerajaan Negeri Selangor.
Raja Abdul Hamid Raja Nong. (2013, Julai 20). Sejarah dan kebudayaan Negeri Selangor [Temu bual].
Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat al-Nafis*. Penerbit Fajar Bakti.
Raja Chulan. (1966). *Misa Melayu*. Pustaka Antara.
Raja Kobat Salehuddin Raja Musa. (2018, April 15). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Selangor [Temu bual].
Raja Kobat Salehuddin Raja Musa. (2022, Jun 11). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Perak [Temu bual].
Silverman, D. (2013). *Doing qualitative research* (4th ed.). Sage Publications.
Tengku Azlan Shah Tengku Jamaluddin. (2022, Mei 8). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Selangor [Temu bual].
Tengku Jamaluddin Tengku Mahmud Shah. (2022, Mei 8). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Selangor [Temu bual].
Tengku Ramli Tengku Shaharuddin. (2005). *Sejarah ringkas pengurniaan pangkat dan pemasyhuran gelaran serta istiadat menjunjung duli pembesar istana dan daerah di Negeri Selangor Darul Ehsan 2005*. Istana Alam Shah.
Tengku Ramli Tengku Shaharuddin. (2022, April 20). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Perak [Temu bual].
Tengku Ramli Tengku Shaharuddin. (2022, Mac 12). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Perak [Temu bual].
Tengku Sulaiman Shah ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. (2022, Mac 24). Sejarah dan kebudayaan istiadat menjunjung duli Negeri Selangor [Temu bual].
Turner, V. (1969). *The Ritual Process: Structure and Anti-Structure*. Chicago: Aldine Publishing.